

Pendidikan Tinggi dan Perkhidmatan Awam Kolonial di Malaya, 1905-1948

Higher Education and the Colonial Civil Service in Malaya, 1905-1948

Muhammad Firdaus Mohamed Yunus & Mohd Shazwan Mokhtar*

Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author : msm@ukm.edu.my

Abstrak

Pada era kolonial, Malaya dirujuk sebagai entiti jajahan British yang melibatkan unit politik kolonial iaitu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Walaupun British mempunyai bidang kuasa berbeza di ketiga-tiga unit politik ini, asas pentadbiran kolonial adalah kekal sama iaitu samada melalui skim ‘*Malayan Civil Service*’ (MCS) atau ‘*Malay Administrative Service*’ (MAS). Artikel ini meneliti pembentukan sistem pendidikan tinggi kolonial berpusat di Singapura yang menyediakan tenaga kerja untuk keperluan perkhidmatan MCS dan MAS di Malaya. Rekod pentadbiran kolonial dalam siri CO273, CO276 dan CO717 digunakan untuk meneliti pembentukan dasar pendidikan tinggi kolonial dan kepentingannya dalam perkhidmatan MCS dan MAS. Selain itu, rekod-rekod institusi dan laporan tahunan pentadbiran juga dirujuk untuk membuktikan kesan dan bentuk operasi institusi. Hal kajian mendapati, institusi pendidikan tinggi kolonial lebih tertumpu di Singapura berbanding di negeri-negeri Melayu. *King Edwards VII College* dan *Raffles College* merupakan dua institusi pendidikan tinggi kolonial yang berprestij di Malaya. Fungsi kedua-dua fungsi institusi ini berevolusi seiringan dengan keperluan menyediakan tenaga kerja dalam MCS dan MAS. SITC pula merupakan institusi pendidikan tinggi kolonial di Tanah Melayu yang terhad dengan fungsi melahirkan guru-guru Melayu berpendidikan Inggeris untuk peringkat sekolah.

Kata Kunci: Kolonialisme; Pentadbir Melayu; Universiti; Biasiswa; Durbar.

Abstract

During the colonial era, “Malaya” referred to British colonial territories, encompassing the Federated Malay States (FMS), the Straits Settlements (SS), and the Unfederated Malay States (UMS). Despite differing levels of British control over these regions, colonial administration was largely consistent, governed through either the Malayan Civil Service (MCS) or the Malay Administrative Service (MAS). This article examines the development of colonial higher

education, centralized in Singapore, to train the workforce for MCS and MAS in Malaya. Colonial records from series CO273, CO276, and CO717 are used to analyze policies on colonial higher education and its significance for MCS and MAS services. Institutional records and annual administrative reports also illustrate the impact and operations of these institutions. Findings reveal that colonial higher education was centered in Singapore rather than the Malay states, with King Edward VII College and Raffles College emerging as prestigious institutions. Both evolved to meet the workforce needs of MCS and MAS, while the Sultan Idris Training College (SITC) in Malaya was limited to training English-educated Malay teachers for primary schools.

Keywords: Colonialism; Malay administrator; University; Scholarship; Durbar.

PENGENALAN

Perkembangan pendidikan tinggi kolonial di Malaya pada abad ke-20, mula berganjak daripada tumpuan pendidikan rendah kepada pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana, pentadbir kolonial berpandangan orang Melayu perlu dilibatkan atau diintegrasikan dalam perkhidmatan pentadbiran kolonial (Khasnor 1990). Walau bagaimanapun, *Malayan Civil Service* (MCS) dalam perkhidmatan pentadbiran kolonial sejak 1869 di NNS mewujudkan jurang dan cabaran untuk orang Melayu. Hal ini demikian kerana indikator kelayakan seseorang untuk memasuki MCS ialah mempunyai latar pendidikan tinggi Inggeris yang berjaya dalam peperiksaan terbuka yang dilaksanakan di London (Yeo 1980). Bahkan, perkembangan pendidikan kolonial yang pesat sejak tahun 1900 cuba memenuhi keperluan imperialisme British sendiri. Khususnya dalam soal membina pengetahuan imperial berkaitan rantau tropika, disamping melahirkan golongan berpendidikan Barat dalam kalangan warga tempatan untuk membantu British meneruskan pentadbiran kolonial (Harper 1999). Malahan, penekanan pendidikan kolonial pada abad ke-20 adalah untuk memberikan kemahiran kepada penduduk Tanah Melayu mengikut fungsi ekonomi kolonial yang ditetapkan. Sungguhpun, penubuhan *Raffles Institution* pada tahun 1823 di Singapura dianggap sebagai usaha memberi pendidikan tinggi kepada orang Melayu. Akses terhadap pendidikan tersebut hanya bersifat eksklusif untuk golongan aristokrat (Andaya dan Andaya 2017). Boleh dikatakan tiada institusi pendidikan tinggi kolonial yang dibina oleh British di negeri-negeri Melayu, melainkan *Sultan Idris Training College* (SITC). Sejak akhir abad ke-19, British banyak menubuhkan sekolah atau institusi pendidikan Inggeris di negeri-negeri Melayu untuk melatih golongan aristokrat yang boleh berkhidmat sebagai kerani atau pegawai rendah kerajaan. Antaranya, ‘*Raja School*’ ditubuhkan di Selangor dan ‘*Victoria Institution*’ di Kuala Lumpur. Situasi ini menunjukkan wujudnya kesenjangan pendidikan kolonial di negeri-negeri Melayu dengan Singapura (Andaya dan Andaya 2017).

Abu Hanifah dan Roslina (2019) telah membincangkan perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu sejak penubuhan *King Edwards VII College of Medicine* sehinggalah penubuhan Universiti Malaya. Keperluan tenaga kapakaran perubatan diketengahkan sebagai pendorong utama dalam perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Sungguhpun begitu, kerangka Tanah Melayu yang digunakan tidak begitu menggambarkan situasi sebenar memandangkan pusat pendidikan tinggi era kolonial tersebut berpusat di Singapura. Justeru, artikel ini melanjutkan wacana tersebut dengan hujah keperluan perkhidmatan kolonial, khususnya dalam skim *Malayan Civil Service* dan *Malay Administrative Service* mempunyai pengaruh besar dalam evolusi pendidikan tinggi kolonial di Malaya. Malahan, faktor penolak utama evolusi pendidikan kolonial di Malaya adalah desakan daripada Raja-Raja Melayu supaya pengambilan orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan ditingkatkan. Sementara itu,

penelitian oleh Shamala, Sivachandralingam dan Noraini (2020) menunjukkan perkembangan institusi pendidikan tinggi kolonial sehingga sebelum Perang Dunia Kedua adalah mundur. Tumpuan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan pentadbiran dan sosial di Malaya boleh dikaitkan dengan dapatan Suruhanjaya McLean pada tahun 1938, bahawa tahap kualiti pendidikan *King Edwards VII College* dan *Raffle College* tidak setaraf dan mencapai tahap kualiti seperti institusi pendidikan tinggi di London. Selain itu, penulisan sejarah pendidikan tinggi kolonial di negeri-negeri Melayu juga sering memberi tumpuan terhadap *Sultan Idris Training College* (SITC). Khairul, Basri dan Norshahrul (2021) telah membincangkan struktur kurikulum SITC yang terbatas untuk melahirkan guru Melayu dan tidak berimpak tinggi. Hal ini demikian kerana, antara objektif utama kurikulum SITC adalah untuk memberi pengetahuan berkaitan cara hidup di kampung. Sehubungan itu, artikel ini cuba meneliti pembangunan pendidikan tinggi kolonial untuk melahirkan golongan intelek tempatan, khususnya orang Melayu yang berjaya menjawat jawatan gred tinggi dalam perkhidmatan pentadbiran kolonial.

Artikel ini menggunakan kerangka Malaya sebagai terma rujukan yang melibatkan tiga entiti politik utama kolonial British – NNMB, NNMTB dan NNS (CO273/539 1926). Hal ini demikian kerana, artikel ini menghubungkan kepentingan pendidikan tinggi dengan perkhidmatan awam kolonial utama yang dikenali *Malayan Civil Service* (MCS). MCS merupakan skim perkhidmatan kolonial yang tidak terhad untuk negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, tetapi juga di NNS. Antara jawatan utama dalam skim MCS ialah Penasihat British di NNMTB, Residen dan Ketua Setiausaha di NNMB dan pegawai kolonial di NNS (Yeo 1980).

KEPENTINGAN PENDIDIKAN TINGGI KOLONIAL

Keperluan tenaga kerja perkhidmatan awam kolonial merupakan antara kepentingan pendidikan tinggi kolonial diwujudkan di Malaya. Secara umumnya, jawatan pada peringkat tinggi memerlukan sijil pendidikan tinggi sebagai syarat kelayakan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Malahan, perkhidmatan awam kolonial di Malaya didominasi pegawai Eropah yang mempunyai latar pendidikan tinggi Inggeris (CO717/103 1903). Justeru, Sultan Idris, Perak telah menggesa supaya Setiausaha Kolonial menambah jumlah pegawai Melayu dalam perkhidmatan awam kolonial di Malaya. Antara tokoh Melayu yang mempunyai latar pendidikan tinggi kolonial dilantik dalam perkhidmatan awam ialah Raja Chulan yang pernah dilantik sebagai Pegawai Daerah di Hulu Perak dan Orang Kaya Menteri, Wan Muhammad Isa di Daerah Selama. Sehingga tahun 1903, seramai 2,636 orang Melayu telah dilantik dalam perkhidmatan awam kolonial di NNMB (CO717/103 1903). Sehubungan itu, bagi meningkatkan lagi jumlah orang Melayu dalam perkhidmatan kolonial, Raja-Raja Melayu bagi NNMB turut menggesa British menyediakan bantuan kewangan untuk orang Melayu melanjutkan pengajian ke England (Mohd Shazwan, Muhammad Aslah Akmal dan Suffian 2022).

Kepentingan untuk menembusi skim perkhidmatan '*Malayan Civil Service*' (MCS) oleh penduduk Malaya juga merupakan kepentingan penubuhan institusi pendidikan tinggi kolonial. MCS merupakan tunjang utama perkhidmatan awam kolonial di seluruh Malaya yang didominasi orang Eropah. Halangan utama yang mewujudkan diskriminasi terhadap penduduk tempatan menyertai MCS adalah kelayakan pendidikan Inggeris. Misalnya, orang Melayu hanya mampu menembusi perkhidmatan MCS kelas III setelah lulus dalam peperiksaan yang ditetapkan oleh British. Bagi membolehkan mereka dilantik dalam jawatan yang lebih tinggi kelayakan diploma diperlukan (Roff 1975, 123). Peperiksaan yang ditetapkan ialah, calon perlu lulus kertas perintah am peraturan kolonial, undang-undang dan bahasa Melayu. Sementara, peperiksaan kedua pula dilaksanakan untuk menguji tahap kompetensi calon terhadap aspek penilaian dalam peperiksaan kedua (CO273/584). Justeru, institusi pendidikan tinggi kolonial

dibangunkan oleh pihak British bagi membolehkan calon memperoleh kelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam MCS. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan tinggi kolonial yang berorientasikan pendidikan Inggeris sebenarnya mewujudkan peluang yang lebih besar untuk golongan berpendidikan dari Eropah dan India mendominasi perkhidmatan MCS (Allen 1970, 158-159).

Jadual 1 memaparkan jenis jawatan tinggi dalam MCS dan kelayakan diperlukan pada tahun 1921. Pada tahap ini boleh dirumuskan, penglibatan orang Melayu dalam MCS masih lagi terbatas kerana kemunduran dalam aspek pendidikan tinggi sehingga menyukarkan mereka bersaing dengan orang bukan Melayu.

Jadual 1, Senarai Nama Pemegang Jawatan *Malayan Civil Service* Dinaikkan Pangkat Tahun 1921

Nama	Jawatan Lama	Jawatan Baru	Kelulusan Pengajian Tinggi
J. McCabe Reay	Kelas II	Pesuruhjaya Kehakiman	Ijazah
Robert Best Jack	-	Pegawai Perubatan	Ijazah
Harold Goursuch	-	Pegawai Kadet dalam Perkhidmatan Awam	Diploma
L.A. Morris	Polis Percubaan	Penolong Pesuruhjaya Polis	Diploma
W.D Barron	Pegawai Kelas IV	Pegawai Pejabat Daerah	Diploma
K. Murugasu	Keran Kelas Khas	Pembantu Kewangan Jabatan Kerja Raya	Diploma
Raja Abdul Hamid Raja Tahir	Pegawai Melayu Kelas III	Pembantu Melayu Pegawai Daerah Kuala Selangor	Diploma

Sumber: F.M.S Appointments, Pinang Gazette and Straits Chronicle, 28 February 1921

Dari sudut syarat pelantikan, syarat pelantikan pegawai rendah MCS memerlukan calon yang mempunyai sijil lepasan sekolah Inggeris, manakala pelantikan pegawai bertaraf tinggi di MCS memerlukan sijil pengajian institusi pendidikan tinggi misalnya sijil ijazah atau diploma (Yeo 1980, 289). Kebiasaannya pelantikan orang Melayu desa akan mengisi jawatan tahap rendah dalam perkhidmatan MCS disebabkan calon hanya perlu mempelajari ilmu bahasa Inggeris dan berjaya menamatkan pengajian atau lulus tahap VI di sekolah Inggeris (HCO1636/1919). Hal ini demikian kerana, kurangnya peluang yang diberikan oleh pentadbiran kolonial British kepada orang-orang Melayu desa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat institusi pendidikan tinggi. Pelantikan orang-orang Melayu sebagai pegawai tinggi M.C.S lebih tertumpu kepada golongan aristokrat disebabkan golongan aristokrat mempunyai kelebihan mengakses peluang ke pengajian pendidikan tinggi. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan pelantikan Raja Musa Bin Raja Haji, graduan pengajian undang-undang sebagai pegawai Pendaftar Mahkamah Agung NNMB (The Straits Budget 1937).

Kelayakan taraf akademik yang ditetapkan pentadbiran kolonial British dalam pengambilan pegawai MCS membuktikan kepentingan penubuhan pendidikan tinggi di Malaya. Hal ini kerana taraf pendidikan yang dicapai seseorang akan menentukan kedudukan yang akan dipegang sekiranya berkhidmat dalam perkhidmatan MCS (The Straits Budget 1937). Kebiasaannya, penglibatan orang Melayu dalam perkhidmatan MCS adalah untuk mengisi jawatan peringkat rendah yang menerima gaji yang lebih rendah berbanding golongan intelek Eropah yang berlatar belakangkan tahap pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, kadar gaji yang diterima orang Melayu sekiranya berkhidmat dalam pentadbiran MCS jauh lebih baik untuk menjana pendapatan harian berbanding upah dalam sektor tanaman tradisional. Kenaikan jawatan secara berperingkat telah mempengaruhi golongan aristokrat menuntut perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu bertaraf diploma mahupun ijazah bagi membolehkan mereka memenuhi jawatan penting di MCS Namun begitu, pentadbiran British melakukan perubahan dengan menubuhkan '*Malay Administrative Service*' (MAS) membuka peluang baharu kepada masyarakat Melayu untuk menceburi sektor pentadbiran

awam sehingga memberi kesan peratusan pelantikan peringkat rendah di MCS (CO717/59 1928).

Penubuhan skim perkhidmatan MAS pada tahun 1910 turut mempengaruhi kepentingan penubuhan institusi pendidikan tinggi kolonial di Malaya. Peringkat awal penubuhan MAS bertujuan menyediakan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada orang Melayu khususnya kepada golongan bangsawan untuk menduduki taraf jawatan yang lebih baik dalam urusan pentadbiran (Pinang Gazette and Straits Chronicle 1938). British menjadikan MAS sebagai alternatif bagi MCS untuk orang Melayu kerana wujudnya persaingan tinggi dengan orang Eropah. Sungguhpun begitu, pihak British tidak menghalang orang Melayu untuk cuba mengisi kekosongan jawatan dalam MCS (Khasnor 1984, 1-2.). Seperti MCS, perkhidmatan MAS juga memerlukan calon memiliki kelayakan pendidikan tinggi. Sementara, jawatan rendah dalam MAS hanya memerlukan kelulusan pendidikan Inggeri dari '*Malay College Kuala Kangsar*' (MCKK) (Khasnor 1984, 48). Selain MCKK, pada tahun 1932, British telah mengutarakan rancangan latihan pegawai-pegawai Melayu mengikuti latihan selama dua tahun di *Raffles College*. Walau bagaimanapun, usaha mewujudkan latihan pentadbiran kepada pegawai-pegawai Melayu tahap rendah tidak mendapat persetujuan dalam Mesyuarat Residen (Ahmad Jafri dan Mohd 2019, 151). Kegagalan rancangan awal membenarkan pegawai Melayu tahap rendah berlatih di *Raffles College* telah digantikan dengan rancangan '*High School Certificate*' sebagai latihan asas membentuk pegawai yang lebih berkelayakan. Rancangan '*High School Certificate*' tetap mempunyai matlamat untuk merapatkan jurang perbezaan antara pegawai-pegawai MAS dengan pegawai MCS.

Dalam tempoh rancangan '*High School Certificate*', sistem pemilihan pegawai rendah dilaksanakan melalui peperiksaan pendidikan Inggeris kemudiannya perlu menjalani ujian yang telah ditetapkan British sebelum diserap berkhidmat dalam MAS.¹ Justeru, Residen pada peringkat negeri di NNMB berperanan untuk menentukan pelajar yang layak untuk menduduki peperiksaan dan hadir temuduga yang dilaksanakan pegawai kolonial (Selangor 1426/1922 1922). Oleh yang demikian, calon perlu menghantar permohonan mereka ke pejabat Residen bagi membolehkan penilaian tahap kelayakan perkhidmatan MAS dilakukan (Selangor Sec: 1594/1925). Calon yang berjaya melepasi saringan kelayakan seterusnya akan menghadapi peperiksaan berkaitan *English Composition, English Paraphrasing, Malay Composition, Translation: English Into Malay* dan *General Knowledge* sebelum diberi gelaran jawatan percubaan dalam perkhidmatan MAS (Sel. Sec. 911/1925 1925).

Bermula tahun 1937 rancangan untuk membenarkan latihan kepada pegawai-pegawai rendah Melayu di *Raffles College* telah dipersetujui. Kelulusan yang diberikan membolehkan calon terpilih untuk menjalani kursus selama tiga tahun di *Raffles College* malah calon yang berbakat dan berpengetahuan akan dihantar ke Britain untuk menjalani latihan lanjut mengenai pentadbiran awam (The Straits Times 1937). Antara latihan yang disediakan kepada calon terpilih ke Britain adalah calon akan dilatih sebagai peguam dan berpeluang dinaikkan pangkat ke pentadbiran MCS (The Straits Times 1937). Rancangan melatih pegawai di *Raffles College* juga bertujuan meningkatkan taraf perkhidmatan pentadbiran kolonial di Malaya. Kepentingan untuk memajukan sistem pentadbiran kolonial di Malaya membuktikan keperluan penubuhan *Raffles College* sebagai pusat latihan kepada pegawai-pegawai Melayu. Lembaga Pemilihan Calon juga telah membuat permohonan kepada pihak pentadbiran *Raffles College* supaya melonggarkan peraturan empat kredit sewaktu proses pengambilan calon yang bakal menerima latihan di *Raffles College* (Pahang Government 1129/1938). Peranan *Raffles College* membuktikan kepentingan penubuhan institusi pendidikan tinggi di Malaya untuk memenuhi keperluan dalam bidang perkhidmatan awam. Jadual 2 membuktikan penglibatan calon dari *Raffles College* yang berjaya menjalani percubaan kemasukan ke MAS kelas III pada tahun 1946,

Jadual 2, Senarai Permohonan Kemasukan ke Kelas III MAS Tahun 1946

Pelajar Layak ke Perkhidmatan MAS	Pelajar Gagal ke Perkhidmatan MAS
Syed Zahirudin Bin Syed Hassan	Abdul Hamid Bin Haji Hassan
Zainal Abidin Bin Othman	Raja Mohar Bin Raja Badiozaman
Hussein Bin Sheikh Mohamed	Tengku Jaafar Bin H.H Tengku Abdul Rahman
Raja Azam Bin Raja Kamarulzaman	Abu Bakar Samad Bin Mohamed Noor
Abdul Aziz Bin Mohamed Ali	Jamludin Bin Kulop Udi
Ramli Bin Abdul Hamid	Mohamed Samsudin Bin Ya'acob
Shamsudin Bin H.M Sidin	Hassan Bin H.Mohamed Noh
Saltan Ibrahim Bin Ahmad	
Abu Hassan Bin Abdullah	
Abdul Razak Bin Dato Hussein	

Sumber: R.C Sel 690/1946 (1946)

Jadual 2 turut membuktikan kepentingan pendidikan tinggi kolonial kepada orang Melayu untuk muncul sebagai golongan intelek dalam perkhidmatan kerajaan. Kelayakan pendidikan calon MAS menunjukkan British mahu penubuhan pentadbiran ini dipenuhi dengan ahli-ahli yang mempunyai tahap kecerdasan bersesuaian dengan tugas pentadbiran (Khasnor 1984, 59). Pendidikan Inggeris merupakan asas utama terhadap pengambilan calon dalam perkhidmatan MAS kerana British menetapkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama yang akan digunakan dalam urusan pentadbiran. Keutamaan dan penguasaan pendidikan Inggeris secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu bagi melahirkan golongan intelektual dalam kalangan masyarakat Melayu sekaligus mempelajari urusan pentadbiran negara. Lantikan pegawai tinggi di MAS yang memerlukan sijil diploma atau ijazah menjadi faktor kepentingan penubuhan institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu.

PEMBANGUNAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KOLONIAL

Idea penubuhan sistem pendidikan tinggi era kolonial mula dikesan sewaktu ketibaan Sir Stamford Raffles di Singapura apabila beliau menyatakan keperluan membangunkan institusi pendidikan tinggi bertaraf diploma dibangunkan di Singapura. Walau bagaimanapun, perkembangan sistem pendidikan tinggi di negeri-negeri Melayu hanya mula berkembang pada awal abad ke-20 disebabkan pentadbiran kolonial British tidak mahu mengambil risiko berlakunya kebangkitan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu kesan kemajuan pendidikan. Pembaharuan dan penyusunan semula Jabatan Pendidikan Tanah Melayu mula membawa perubahan mengenai sistem pendidikan di Tanah Melayu apabila laporan yang ditulis oleh R.O Winstedt berjaya meyakinkan pentadbiran kolonial British untuk memodenkan sistem pendidikan sekular (*Western Type Education*) berasaskan piawai dan polisi pendidikan British (Khairi, Ramli dan Ismail 2012, 7).

Perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu bermula dengan penubuhan *King Edward VII College of Medicine* pada tahun 1905 bertujuan membentuk tenaga kerja dalam bidang perubatan manakala penubuhan *Sultan Idris Training College* pada tahun 1922 dan *Raffles College* pada tahun 1928 bertujuan melahirkan guru berkelayakan dan golongan profesional. Perkara ini juga merujuk terhadap penubuhan institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu bertujuan menampung kekosongan tenaga pengajar di sekolah-sekolah Inggeris dan melantik orang Melayu mengisi kekosongan jawatan dalam pentadbiran British di Tanah Melayu (Muhammad Azian dan Mohamed Ali 2019, 108). Walau bagaimanapun, sebelum institusi pendidikan tinggi dibuka di Malaya, pihak pentadbiran kolonial membuka peluang kepada anak-anak golongan aristokrat melanjutkan pengajian ke university dalam empayar Britain misalnya Universiti Hong Kong dan *University Of Cambridge*. Memasuki pertengahan abad ke-20, pendidikan tinggi di Tanah Melayu semakin berkembang dalam

kalangan penduduk awam, malah pendidikan tinggi di Malaya mula menawarkan pelbagai jenis matapelajaran bagi menggalakkan penduduk tempatan melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Sungguhpun begitu, tiada institusi pendidikan tinggi kolonial bertaraf universiti ditubuhkan di negeri-negeri Melayu disebabkan keputusan Suruhanjaya MCLeen mendapati kelemahan sistem pendidikan *King Edward VII College* dan *Raffles College* (Lihat Shamala, Sivachandralingam dan Noraini 2020).

King Edward VII College of Medicine

King Edward VII College of Medicine merupakan institusi pendidikan tinggi pertama yang ditubuhkan di Malaya pada tahun 1905, namun pada tahun 1920 institusi ini secara rasmi dinaik taraf sebagai sebuah kolej. Penubuhan *King Edward VII College* disebabkan tuntutan daripada masyarakat elit Cina Singapura yang menghantar petisyen kepada Gabenor NNS menuntut sebuah institusi perubatan bertaraf pendidikan tinggi dibangunkan.² Hal ini demikian kerana, golongan elit Cina Singapura berasa kagum dengan perkembangan Hospital Cina di Hainan yang mempunyai doktor terlatih dari luar negara (Koay 2018.). Perkara ini menyebabkan mereka menuntut pentadbiran kolonial British memberi peluang kepada pemuda Cina di Singapura untuk menceburi bidang perubatan moden. Sebelum diiktiraf sebagai sebuah kolej tempatan, kolej ini terlebih dahulu dikenali sebagai *King Edward VII Medical School* dengan memperuntukkan taraf diploma *Licentiate in Medicine and Surgery* (LMS) selama lima tahun pengajian mempelajari ilmu asas pendidikan perubatan (Abu Hanifah dan Roslina 2019). Pada tahun 1916, pendidikan di *King Edward VII College Of Medicine* telah memperolehi pengiktirafan *General Council Of Medical Education* (GCME) dari United Kingdom sekaligus meningkatkan taraf institusi daripada *King Edward VII Medical School* kepada *King Edward VII College*.

Matlamat penubuhan *King Edward VII College* adalah meningkatkan ilmu sains moden khususnya melibatkan sektor perubatan di Malaya. Tempoh pengajian diploma di *King Edward VII College Of Medicine* merupakan persediaan dan pendedahan kepada pelajar untuk mempraktikkan amalan perubatan di Tanah Jajahan British khususnya di Malaya. Antara pembelajaran awal sewaktu penubuhan *King Edward VII College* ialah ilmu perubatan, pembedahan, perubatan klinik dan perbidanan moden. Skop mata pelajaran yang disediakan bertujuan melatih pelajar menjadi penolong pakar bedah dalam perkhidmatan kerajaan serta memberi kesedaran dan kefahaman mengenai penjagaan kebersihan kepada penduduk Malaya (Malaya Tribune 1937).

Kejayaan mendapatkan pengiktirafan institusi berstatus daripada GCME menyebabkan barisan pentadbiran *King Edward VII College* telah menyelaraskan struktur pembelajaran. Keseragaman pembelajaran dimulakan dengan mengutamakan matapelajaran sains dan menetapkan syarat peperiksaan profesional bagi menilai tahap pembelajaran pelajar. Sepanjang tempoh pengajian pelajar perlu menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan merangkumi lima bahagian iaitu bahagian pertama I, bahagian pertama II, tahap kedua, tahap ketiga dan tahap terakhir (Sel. Sec. G 2073/1930 1929). Setiap tahap peperiksaan merangkumi mata pelajaran yang telah dipelajari oleh pelajar mengikut tahun pengajian misalnya tahun pertama pelajar perlu menjalani ujian bahagian pertama melibatkan kursus yang dipelajari. Antara struktur kursus yang ditawarkan kepada pelajar yang menyambung pengajian di *King Edward VII College* ialah biologi, anatomi, fisiologi, bio-kimia, bakterialogi, patologi, kesihatan awam, perubatan, pembedahan, perbidanan dan farmasi.³ Graduan *King Edward VII College* akan memperolehi sijil diploma dan mempunyai kelayakan untuk mengisi kekosongan dalam sektor perubatan (Abu Hanifah dan Roslina 2019). Selain melahirkan lepasan pelajar yang cemerlang dalam bidang perubatan, pelajar kolej ini juga berpeluang melanjutkan pengajian ke luar negara. Misalnya, Dr. Yahya Cohen graduan daripada *King Edward VII*

College menerima biasiswa menuntut ilmu di *Royal College Of Surgeons London University* (The Straits Times 1948).

Dari sudut pengurusan dan pentadbiran di *King Edward VII College* terbahagi kepada dua iaitu ahli majlis dan ahli senat yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains perubatan.⁴ Pengurusan tertinggi dipegang oleh ahli majlis yang berperanan mengendalikan hal ehwal pengurusan serta pentadbiran kemudian diikuti oleh ahli senat iaitu terdiri daripada profesor dan pensyarah kolej yang berperanan membantu pengetua dalam urusan kolej. Antara peranan yang dijalankan oleh ahli senat adalah membatalkan, menggubal atau meminda peraturan yang telah ditetapkan oleh ordinar dengan syarat mendapat kelulusan daripada ahli majlis. Senarai dibawah memaparkan perkara atau tuntutan yang boleh digubal dibawah penguasaan ahli senat,⁵

- i. Kelayakan pemohonan dan kebenaran memasuki kolej sebagai pelajar.
- ii. Kursus pengajaran yang perlu diikuti oleh pelajar dan peperiksaan yang akan dilalui.
- iii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh calon-calon diploma.
- iv. Pemberian biasiswa misalnya penetapan amaun biasiswa.
- v. Pemeliharaan dan tata tertib menentukan hukuman yang akan dikenakan ke atas pelajar yang melanggar peraturan misalnya kuasa penggantungan pengajian atau pemecatan dari kolej dan penarikan balik biasiswa.

Tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh ahli majlis adalah berbeza dengan ahli senat kerana ahli majlis mempunyai keahlian yang berpangkat tinggi bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan hal ehwal dan menjalankan pengawasan mengikut peraturan ordinar. Senarai dibawah membuktikan tanggungjawab yang harus dijalankan oleh ahli majlis,⁶

- i. Melaburkan kumpulan wang tetap untuk pelaburan oleh pemegang amanah.
- ii. Menguruskan dan menjaga hal ehwal perbelanjaan kolej.
- iii. Menyediakan fasiliti yang lengkap misalnya perabot, alatan belajar dan membaik pulih kerosakan.
- iv. Meningkatkan kecekapan kolej perubatan dari sudut melatih pelajar untuk profesion perubatan.
- v. Membayar kos pentadbiran kolej.

Berdasarkan tanggungjawab yang dipegang oleh ahli senat dan ahli majlis membuktikan struktur pentadbiran di *King Edward VII College* mempunyai matlamat memastikan corak pentadbiran dalam keadaan sistematik. Perkara ini juga merujuk terhadap kepentingan *King Edward VII College* mengekalkan statusnya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi dalam melahirkan golongan intelek dalam bidang perubatan.

Raffles College

Perkembangan pendidikan tinggi di Malaya diteruskan dengan pembukaan institusi pengajian tinggi yang kedua iaitu *Raffles College* yang terletak di Singapura dibuka pada tahun 1928. Penubuhan *Raffles College* merupakan kesinambungan cita-cita Sir Stamford mewujudkan kolej yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan penyusunan tradisi sejarah masyarakat Malaya serta pemerhatian yang saintifik (Hough 1933, 167). Namun begitu, kos pembinaan yang diperlukan berjumlah \$4,200,000 disebabkan pentadbiran kolonial British ingin

membangunkan sebuah institusi pendidikan tinggi yang mempunyai infrastruktur lengkap. Antara kemudahan yang ingin dibangunkan di *Raffles College* ialah penyediaan Dewan Oei Tiong Ham, bilik kuliah, blok sains yang mempunyai empat bilik kuliah dan empat makmal, Dewan Eu Tong Sen Hall yang boleh menempatkan 60 orang pelajar serta kuarters tenaga pengajar.⁷ Kemudahan lengkap yang ingin dibangunkan di *Raffles College* memerlukan kos pembinaan yang tinggi. Perincian jumlah yang diperlukan untuk membina institusi *Raffles College* adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3,

Jadual 3, Anggaran Dana Pembinaan Raffles College

Keperluan	Dana Diperlukan (\$)
Kos Pembinaan Bangunan	1,000,000
Kakitangan dan Penyelenggaraan	3,000,000
Biasiswa	2,000,000
Jumlah	4,200,000

Sumber: Sel. Sec. G 371/1928

Objektif penubuhan *Raffles College* berbeza dengan penubuhan *King Edward VII College*, iaitu menyediakan pendidikan tinggi dalam bidang seni dan sains kepada penduduk Malaya. Signifikannya, pengajian tinggi bertaraf diploma dalam bidang seni dan sains di *Raffles College* bertujuan melahirkan golongan intelektual dalam bidang sains dan kemanusiaan. Antara peranan penubuhan institusi *Raffles College* ialah melahirkan guru yang berkelayakan untuk mengajar di sekolah-sekolah tahap menengah khususnya di sekolah Inggeris serta melahirkan golongan intelektual yang berkebolehan berkhidmatan dalam sektor pentadbiran (Federated Malay States 1933). Keperluan tenaga kerja pegawai Melayu dalam sektor perkhidmatan awam membuktikan kepentingan penubuhan institusi *Raffles College* untuk menampung kemasukan orang Melayu yang berpendidikan dalam MAS. Perkara ini dapat dibuktikan melalui timbulnya cadangan daripada pentadbiran kolonial British menjadikan *Raffles College* sebagai pusat latihan kepada pegawai-pegawai Melayu pangkat rendah dalam perkhidmatan kolonial (Ahmad Jafri dan Mohd Samsudin 2019, 151). Usaha menempatkan pegawai Melayu di *Raffles College* membuktikan peranan *Raffles College* menyelesaikan masalah berkaitan keperluan tenaga kerja dalam perkhidmatan kolonial dan masalah berkaitan kelayakkan guru-guru Melayu untuk berkhidmat di sekolah menengah Inggeris. Matlamat *Raffles College* melahirkan golongan intelek dalam bidang sains dan kemanusiaan telah mempengaruhi kemasukan pelajar ke *Raffles College* sebagai pusat institusi pendidikan yang semakin berkembang. Data kemasukan pelajar ke *Raffles College* dan pelajar yang menetap di bangunan asrama dapat diteliti dalam Jadual 4.

Jadual 4, Bilangan Pelajar *Raffles College* & Pelajar Tinggal di Asrama Tahun 1928-1939

Tahun	Bil Pelajar di Kolej	Bil Pelajar di Asrama	Bil Ruang Penginapan
1928-29	43	36	120
1929-30	82	59	120
1930-31	130	101	120
1931-32	123	89	120
1932-33	102	56	120
1933-34	96	32	120
1934-35	80	36	120
1935-36	85	33	98
1936-37	112	53	98

1937-38	162	79	98
1938-39	211	98	98

Sumber: Colonial Office Higher Education In Malaya Report Of The Commission Appointed By The Secretary Of State For The Colonies June 1939, Printed and Published By His Majesty's Stationery Office

Berdasarkan Jadual 4, peningkatan bilangan pelajar ke *Raffles College* bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang perkhidmatan kolonial dan melayakkan diri berkhidmat di sekolah-sekolah Inggeris kerajaan. Tempoh masa pengajian di *Raffles College* adalah selama tiga tahun, calon yang berjaya menamatkan pengajian berpeluang melanjutkan pengajian ijazah di luar negara atau mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan pentadbiran khususnya MAS dan menjadi seorang guru kelas I di sekolah-sekolah Inggeris (Sel. Sec. S 579/1932 1932).⁸ Peluang yang disediakan *Raffles College* secara tidak langsung telah mempengaruhi bilangan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi Tanah Melayu. Dari sudut struktur pengajian, *Raffles College* menawarkan kursus berasaskan sains dan seni kemanusiaan yang dibahagikan kepada tiga kumpulan utama dalam Jadual 5.⁹

Jadual 5, Bidang pengajian di *Raffles College*

Kumpulan	Bidang	Pengkhususan Mata Pelajaran
1	Seni	Bahasa Inggeris, Sejarah, Ekonomi, Geografi, Pendidikan
2	Sains	Fizik, Matematik, Bahasa Inggeris, Kimia, Pendidikan
3	Sains	Matematik, Bahasa Inggeris, Fizik, Kimia, Geografi, Pendidikan

Sumber: Colonial Office Higher Education In Malaya Report Of the Commission Appointed By The Secretary Of State For The Colonies June 1939

Pembahagian kumpulan subjek bertujuan membezakan diantara kumpulan pelajar yang mengambil kursus seni dengan kumpulan pelajar yang memilih mempelajari ilmu kursus sains. Dalam konteks ini, pelajar aliran seni tidak dibenarkan memilih kurang daripada tiga kursus yang ditawarkan manakala pelajar aliran sains perlu mempelajari keempat-empat kursus yang ditawarkan. Syarat pemilihan subjek bertujuan melatih pelajar menceburi kursus yang diminati supaya selepas tamat pengajian pelajar dapat menentukan hala tuju pekerjaan yang diinginkan.

Raffles College turut mengenakan kadar bayaran yuran pelajar melanjutkan pengajian di kolej ini. Antara yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar merangkumi yuran buku, penginapan asrama, tuisyen dan makanan.¹⁰ Sehubungan dengan itu, berdasarkan memorandum *Raffles College* menyatakan bahawa ibu bapa perlu bersedia menyediakan sejumlah wang sebanyak \$800 setahun untuk pendidikan anak-anak mereka yang menyambung pengajian pendidikan tinggi di *Raffles College* (Pahang Fed. Sec. 1189/1926). Keperluan menyediakan kewangan yang mencukupi menyebabkan penduduk Malaya menggunakan kemudahan biasiswa sebagai langkah untuk membayar yuran pengajian. Jadual 6 memaparkan perincian mengenai penyediaan wang berjumlah \$800 kepada anak-anak yang mahu melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi *Raffles College*.

Jadual 6, Belanjawan pelajar di *Raffles College*

Keperluan	Bayaran (\$)
Counrion money	25
Registration fee	5
Tuition fee – trinity term 1929	100
Food	90
Hostel charge	30
Pocket money 18-30 June 1929	8.67
English Text Book	51.95
Geography text book	3.38
Tuition Fee-Michaelmas Term 1929	100
Food	90
Hostel charges	30
Pocket money october to december 1929	60
Geography text book	3.38
English plays	3.83
Concise history	2.93
History book	5.18
Jumlah	614.05

Sumber: Statement of account of pocket money and books expenses of Lim Soo Kok, Government student, Raffles College Singapore.

Jadual 6 menunjukkan senarai yuran yang perlu dibayar oleh mana-mana calon yang berjaya melayakkan diri ke institusi pendidikan tinggi Raffles College. Kadar bayaran yang ditetapkan oleh pentadbiran *Raffles College* telah mendorong calon daripada masyarakat Melayu kampung untuk memohon kemudahan bantuan biasiswa *Queen's Scholarship*. Bantuan kewangan yang disediakan dalam *Queen's Scholarship* bertujuan mengurangkan kos perbelanjaan orang Melayu yang tinggal di perkampungan disebabkan peluang mengakses ekonomi adalah terhad.¹¹

Sultan Idris Training College (SITC)

SITC ditubuhkan pada tahun 1922 selepas pentadbiran kolonial menilai laporan daripada Winstedt berkaitan keperluan menubuhkan maktab pusat yang menerapkan persamaan, kecekapan dan melahirkan tenaga pengajar dengan bidang pengkhususan yang lebih baik (Saiful 1997, 23). Matlamat penubuhan SITC bertujuan meningkatkan bilangan guru-guru Melayu yang berkelayakan dan profesionalisme dalam meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Hal ini demikian kerana, tenaga pengajar dalam kalangan guru Melayu mengalami kemerosotan khususnya melibatkan tenaga pengajar di sekolah-sekolah Inggeris. Sehubungan dengan kekurangan bilangan tenaga pengajar guru Melayu menyebabkan pentadbiran kolonial bersetuju dengan laporan Winstedt untuk menubuhkan sebuah kolej pendidikan kepada penduduk Tanah Melayu khususnya untuk menampung kekurangan guru-guru Melayu berkelayakan. Selain itu, SITC merupakan sebuah kolej yang mudah diakses disebabkan penubuhan maktab ini menjadi hala tuju utama kepada pelajar-pelajar sekolah vernakular Melayu untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Perkara ini merujuk terhadap golongan petani atau orang Melayu luar bandar berpeluang meningkatkan taraf kehidupan sekiranya berjaya menamatkan pengajian lalu berkhidmat sebagai seorang guru di sekolah vernakular.

Pentadbiran kolonial British juga mengharapkan agar lepasan pelajar SITC mampu meningkatkan taraf sosial orang Melayu daripada terus ketinggalan dan mundur. Pada awal penubuhan SITC, maktab perguruan ini berjaya menampung sekurang-kurangnya seramai 200 orang yang terdiri daripada pelbagai etnik namun kemasukan orang Melayu adalah lebih tinggi berbanding bangsa lain.¹² Sebelum seseorang calon itu bergelar sebagai guru pelatih di SITC, calon perlu menduduki peperiksaan kelayakkan sebelum diserap masuk. Antara ujian yang perlu dihadapi oleh calon ialah kemahiran membaca, rencana, karangan ilmu, geografi dan ujian bacaan (Khairul, Basri dan Norshahrul 2021, 113).

BIASISWA PENDIDIKAN TINGGI KOLONIAL

Cadangan pemberian biasiswa di Malaya dapat dikesan pada pertengahan abad ke 19 melalui mesyuarat awam yang telah diadakan di sebuah Perpustakaan Singapura membincangkan penubuhan biasiswa untuk mengekalkan trend kemasukan kanak-kanak ke sekolah Inggeris. Melalui perbincangan ini, Sir W. Jeffcott telah mencadangkan supaya remaja di Singapura mempelajari ilmu bahasa dengan baik dan mencapai kecekapan yang mencukupi bagi membolehkan mereka menerima biasiswa pertama dikenali sebagai “*Raffles Scholarship*”. Menurut Sir W. Jeffcott penamaan biasiswa tersebut adalah berdasarkan penghormatan kepada mendiang Sir Stamford Raffles yang menjadi pengasas kolonial British di Singapura (The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser 1850). Perbincangan mengenai penubuhan biasiswa mendapat pandangan yang positif daripada pedagang-pedagang masyarakat Cina malah golongan ini juga menyatakan bahawa mereka boleh mengumpul dana yang mencukupi untuk mengasaskan satu atau lebih biasiswa. Usaha masyarakat elit Cina membangunkan biasiswa dapat dibuktikan pada awal abad ke 20 apabila golongan elit Cina sering memberi peruntukkan dan sumbangan kewangan misalnya seorang Peladang Candu Singapura melalui agensi En. Gan Nghoh Bee bermurah hati menawarkan \$500 kepada *Penang Free School* bagi memperkenalkan ‘*Diamond Jubilee Scholarship*’ (Pinang Gazette and Straits Chronicle 1900). Pemberian dana daripada golongan elit ini membolehkan calon masyarakat Cina mendominasi penerimaan bantuan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi berbanding calon orang Melayu.

Kemunduran masyarakat Melayu desa dari sudut ekonomi telah mempengaruhi dasar pendidikan tinggi kolonial untuk menyediakan bantuan biasiswa kepada calon yang berlayakkan. Kemunduran sektor ekonomi disebabkan masyarakat Melayu yang tinggal di kampung cenderung melakukan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama mendapatkan hasil pendapatan (Ungku Aziz 1975, 5). Jurang perbezaan ekonomi antara penduduk kampung dan penduduk bandar menyebabkan keperluan biasiswa pengajian diutamakan bagi menampung perbelanjaan sewaktu di peringkat pendidikan tinggi. Kestabilan kewangan diperlukan oleh calon yang bercita-cita melayakkan diri ke pendidikan tinggi disebabkan kos pengajian pendidikan tinggi memperuntukkan yuran yang mahal berbanding yuran pendidikan rendah. Sehubungan dengan itu, Raja-Raja Melayu melalui persidangan Durbar sentiasa menggesa pentadbiran kolonial British supaya menyediakan bantuan kewangan bagi orang Melayu melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi (Mohd Shazwan, Muhammad Aslah Akmal dan Suffian 2022).

Persidangan Durbar yang berlangsung sering mengetengahkan perkara-perkara penting berkaitan pendidikan khususnya dari sudut bantuan biasiswa melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Dalam konteks ini, terdapat usul mempertimbangkan supaya budi bicara pemberian biasiswa diberikan kepada anak-anak Melayu yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian (CO717/81 1931). Signifikannya, cadangan ini mula dipertimbangkan apabila timbul perbandingan melibatkan kaedah pendidikan percuma yang diterima anak-anak Raja di Tanah Melayu berbanding situasi pendidikan di England. Dalam konteks ini, di England

anak-anak Raja dan Permaisuri dididik atas perbelanjaan yang dibayar oleh Duli Yang Maha Mulia malah sekiranya ahli keluarga Diraja memenangi biasiswa, wang yang diterima tidak dimanfaatkan sebaliknya dibayar semula ke tabung biasiswa supaya digunakan oleh pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan (CO717/81 1931). Perbezaan yang berlaku menyebabkan persidangan Durbar sering membincangkan perkara berkaitan biasiswa pendidikan kepada calon-calon yang berkelayakan melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Kaedah yang telah ditetapkan oleh pentadbiran kolonial British menentukan calon yang layak menerima bantuan biasiswa pendidikan tinggi di Malaya adalah berdasarkan penilaian dan peperiksaan. Tujuan peperiksaan diadakan bertujuan membuktikan bahawa calon terbabit layak menerima biasiswa yang ditawarkan oleh pentadbiran kolonial British. Namun begitu, sebelum seseorang calon menghadapi peperiksaan yang ditetapkan calon perlu mengemukakan borang permohonan biasiswa kepada pejabat setiausaha negeri (Sel. Sec. 1151/1949). Berdasarkan permohonan yang dilakukan, calon perlu menyertakan *School Certificate Examination* sewaktu berada di sekolah menengah Inggeris kerana penilaian akan dilakukan melalui permohonan berdasarkan maklumat sijil yang disertakan. Selepas mengemukakan surat permohonan, Pejabat Setiausaha Negeri akan mengeluarkan senarai nama calon yang layak untuk menghadiri peperiksaan biasiswa yang dikendalikan oleh *Department of Education* (Sel. Sec. 1151/1949). Kemudahan melakukan permohonan biasiswa secara tidak langsung telah mendorong persaingan antara calon Melayu dengan calon Cina untuk mendapatkan bantuan melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Dalam erti kata lain, tawaran biasiswa akan diberikan kepada calon yang berjaya melepasi tahap peperiksaan yang telah ditetapkan misalnya peperiksaan melibatkan subjek utama dalam sistem pendidikan Inggeris. Antara tawaran yang disediakan dalam bantuan biasiswa adalah bantuan kewangan dari sudut pembayaran yuran pengajian, hostel, makanan dan elaun buku (Selangor Secretariat 927/1951).

Selain menawarkan bantuan biasiswa kepada calon melanjutkan pengajian pendidikan tinggi di *King Edward VII College* dan *Raffles College*, pentadbiran kolonial British turut menyediakan bantuan biasiswa pendidikan tinggi ke luar negara. Bantuan kewangan yang disediakan kepada calon pendidikan tinggi diluar Tanah Melayu merangkumi bayaran asas pendidikan, elaun pemakaian, elaun buku dan elaun perjalanan pendidikan.¹³ Berdasarkan empat kompenan utama yang dinyatakan, calon akan menerima bantuan keewangan berjumlah \$1,791.10 sepanjang mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi luar negara. Jumlah biasiswa yang ditawarkan kepada calon berkelayakkan ke luar negara lebih tinggi berbanding jumlah biasiswa yang disediakan di institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu.

Biasiswa Ratu

Peruntukan biasiswa merupakan perkara yang dituntut oleh masyarakat Melayu sewaktu pendidikan era Kolonial disebabkan kesempitan ekonomi untuk membayar yuran pendidikan khususnya di sekolah-sekolah Inggeris. Penubuhan '*Queen's Scholarship*' ketika era kolonial merupakan sebuah bantuan kewangan kerajaan bagi membantu pelajar di Malaya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Dasar British memperkenalkan biasiswa merupakan langkah awal memajukan sistem pendidikan di Malaya khususnya menggalakkan kemasukan pelajar Melayu ke sistem pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana, calon yang berpeluang melanjutkan pengajian menggunakan biasiswa kerajaan mestilah merupakan subjek perlindungan British dan mendapat kelulusan daripada Gabenor atau Setiausaha Negeri (CO276/49 1904). Sehubungan dengan itu, pelajar Melayu yang bercita-cita melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi dengan menggunakan kemudahan biasiswa perlu mengisi borang permohonan biasiswa

sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan bagi melayakkan diri sebagai penerima *Queen's Scholarship*.

Dari sudut penilaian dan peperiksaan, calon yang memohon biasiswa kerajaan mestilah mengikuti syarat yang ditetapkan oleh pentadbiran kolonial British iaitu calon mestilah dilahirkan di Malaya, lulus atau memegang seijil darjah IV yang diperoleh dari sebuah sekolah tanah jajahan, lulus Peperiksaan *Senior Cambridge* dan perlu menghadiri sebuah sekolah di NNS (CO276/49 1904). Penetapan struktur dan syarat pencalonan biasiswa kerajaan merupakan kesinambungan dasar biasiswa yang telah diilhamkan pada pertengahan abad ke 19. Perkara ini merujuk terhadap pelaksanaan bantuan biasiswa berperanan menggalakkan kemasukan calon ke pengajian pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Proses selanjutnya, calon-calon yang tersenarai perlu menghadiri peperiksaan *Queen's Scholarship* dan *Government English Scholarship* yang kebiasaannya akan dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dari Universiti Cambridge (CO276/30 1895). Penglibatan Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge bertujuan menilai tahap kecekapan dan pencapaian pelajar dalam aspek pendidikan dengan cara pihak lembaga pendidikan akan menetapkan subjek yang perlu diduduki oleh calon bagi melayakkan calon menerima anugerah biasiswa yang disediakan. Jadual 7 memaparkan subjek dan pemarkahan yang perlu dikuasai oleh para calon bagi mendapatkan biasiswa yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan.

Jadual 7, Senarai Subjek dan Pemarkahan Peperiksaan Biasiswa Ratu

Senarai Subjek Peperiksaan	Pemarkahan	Markah Lulus Keseluruhan
English Grammar	100	
I. Composition	200	
II. History (including constitutional history and the history of the British Colonies)	150 150	
III. Literature		
Jumlah	600	400
Latin	150	-
I. Arithmetic	150	
II. Algebra	150	
III. Plane Geometry	150	
IV. Elementary Mechanics	150	
Jumlah	600	400
Science (Chemistry)		
I. Theoretical	150	
II. Practical	150	
Jumlah	300	-

Sumber CO276/30 (1895)

Berdasarkan Jadual 7 markah yang harus dilepasi oleh calon sewaktu peperiksaan biasiswa ialah calon perlu mendapatkan markah tidak kurang daripada 400 markah daripada empat subjek wajib yang ditetapkan mengikut skop mata Pelajaran (CO276/30 1895). Dalam konteks ini, calon yang mendapatkan markah kurang daripada 400 markah dianggap gagal dan tidak

berkelayakkan untuk menerima bantuan biasiswa yang disediakan kerajaan. Walau bagaimanapun memasuki awal abad ke 20, pindaan mengenai syarat-syarat kelayakan *Queen's Scholarship* telah digubal dengan memberi kelonggaran kepada calon-calon dari NNS dan NNMB (CO276/42 1901). Kelonggaran syarat mendapatkan bantuan *Queen's Scholarship* didorong Mesyuarat Residen mempertimbangkan untuk mengutamakan pemberian biasiswa kepada calon dari NNMB melanjutkan pengajian ke *Raffles College* (Sel. Sec. 527/1926 1926).

Sebelum penubuhan *King Edward VII College* dan *Raffles College*, peranan *Queen's Scholarship* adalah membantu calon dari Malaya melanjutkan pengajian ke luar negara. Ketiadaan institusi pendidikan tinggi di Malaya pada abad ke 19 menyebabkan British membuka peluang kepada calon-calon Malaya berkelayakkan memohon bantuan biasiswa bagi menampung kos pengajian di luar negara iaitu universiti-universiti yang berada dibawah empayar Britain. Calon yang berjaya menerima anugerah biasiswa berpeluang memilih institusi yang diinginkan dengan syarat mendapat kelulusan gabenor atau setiausaha negara bagi tanah jajahan.¹⁴ Sebaik sahaja menerima bantuan biasiswa calon perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh pemerintahan British iaitu,¹⁵

- i. Setiap calon perlu menjalani pemeriksaan perubatan.
- ii. Calon perlu meneruskan destinasi dalam tempoh sebulan.
- iii. Laluan percuma akan disediakan sekiranya destinasi adalah England dan India.
- iv. Sebaik sahaja sampai ke destinasi, calon perlu mendaftarkan diri ditempat belajar dan dilarang berpindah ke kolej lain tanpa kebenaran setiausaha negara atau pihak gabenor.

Pada abad ke 20, *Queen's Scholarship* digunakan bagi menampung calon-calon dari NNS dan NNMB melanjutkan pengajian di *King Edward VII College Of Medicine* dan *Raffles College*. Penggunaan biasiswa di kedua-kedua kolej bertujuan menarik minat calon Melayu yang bercita-cita melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi. Selari dengan penubuhan kedua-dua kolej ini membenarkan kemasukan calon dari NNMB ianya secara tidak langsung menunjukkan peningkatan bilangan pelajar yang bercita-cita melanjutkan pengajian khususnya pelajar dari MCKK. Hal ini demikian kerana, lepasan pelajar dari MCKK berpeluang menerima percubaan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan sebaik sahaja berjaya menamatkan pengajian di peringkat pendidikan tinggi bagi mengisi jawatan pentadbiran.¹⁶

Menjelang tahun 1930, pelaksanaan sistem pemberian biasiswa di Tanah Melayu mengalami perubahan apabila pihak British mula memberhentikan pemberian *Queen's Scholarship* kepada calon-calon dari NNMB. Hal ini demikian kerana, timbulnya dakwaan bahawa kebanyakan calon di sekolah NNMB tidak mencapai tahap pendidikan yang ditetapkan pentadbiran kolonial British. Perkara ini dinilai apabila wujudnya dakwaan calon-calon dari NNMB tidak mempunyai semangat untuk belajar dan tidak mempunyai cita-cita akademik yang mendalam (Malaya Tribune 1929). Walau bagaimanapun, Raja-Raja Melayu melalui persidangan Durbar sering mengkritik dan menyuarakan isu ketidakseragaman dasar pendidikan yang berbeza antara NNMB dan NNS khususnya mengenai pembubaran *Queen's Scholarship* kepada calon-calon NNMB, Oleh sebab itu, akhirnya pentadbiran kolonial British kembali menggubal dasar biasiswanya dengan membenarkan semula *Queen's Scholarship* disediakan kepada calon-calon NNMB (FCO141/16337 1930).

KESIMPULAN

Perkembangan institusi pendidikan kolonial pada tahap awalnya bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa pihak kolonial di Malaya. Misalnya, untuk melahirkan tenaga kerja berkeelayakan untuk berkhidmat dalam bidang perguruan dan jawatan rendah dalam perkhidmatan kolonial. Penubuhan *King Edward VII College of Medicine* pada tahun 1905 bermatlamat untuk melahirkan ahli perubatan tempatan dan pada masa yang sama menggalakkan perkembangan sains moden di Malaya. Pada tahun 1928 pula, *Raffles College* dibuka untuk membangunkan bidang ilmu sains sosial dan sastera di Malaya. Walaupun kedua-dua institusi ini dianggap berprestij di Malaya, kerana persaingan kemasukan dan bidang pengajian yang lebih tinggi berbanding institusi lain di negeri-negeri Melayu, siasatan Surahanjaya McLean 1938 mendapati kedua-dua institusi ini sebenarnya jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan institusi pendidikan tinggi di London. Artikel ini berpandangan, masalah ini sebenarnya merupakan cerminan dasar pendidikan tinggi kolonial sendiri yang tidak mempunyai matlamat yang jelas untuk mewujudkan institusi pendidikan tinggi yang berkualiti dan berdaya saing.

Tumpuan untuk menyediakan tenaga kerja berkeelayakan untuk memasuki perkhidmatan MCS dan MAS merupakan tumpuan utama pembangunan institusi pendidikan tinggi kolonial di lakukan di Malaya. Misalnya *Raffles College* menjadi tumpuan untuk melatih orang Melayu berjawatan rendah. Malahan, dasar pemberian biasiswa oleh pihak kolonial juga mencerminkan tiada matlamat yang mapan untuk menyediakan kemudahan pendidikan untuk orang tempatan, khususnya orang Melayu untuk melanjutkan pengajian pada peringkat yang lebih tinggi supaya peluang pekerjaan yang lebih baik diperolehi. Selain itu, operasi *King Edward VII College* juga banyak memberi tumpuan untuk melahirkan doktor am yang terlatih dan pembantu bedah. Tenaga pakar kebiasaannya dilatih di Eropah dan dibawa dari Eropah untuk berkhidmat di Malaya. Sementara itu, operasi SITC hanya memberi tumpuan melahirkan guru-guru tempatan untuk berkhidmat di kampung-kampung.

Walau bagaimanapun, perkembangan institusi pendidikan tinggi kolonial sebenarnya menjadi pemangkin lahirkan golongan intelek Melayu yang kemudiannya berperanan sebagai pentadbir dan tokoh masyarakat. Misalnya Raja Chulan yang merupakan orang Melayu pertama dilantik menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan di NNMB. Tokoh-tokoh ini, meneruskan perjuangan Raja-Raja Melayu menuntut hak pendidikan yang berkualiti untuk orang tempatan supaya dapat menggantikan pentadbir Eropah dalam perkhidmatan kerajaan.

Justeru, kajian lanjut perlu dilakukan untuk meneliti perkembangan golongan intelek Melayu yang mempunyai latar pendidikan tinggi kolonial. Hal ini demikian kerana, tokoh intelek yang mendapatkan pendidikan di Timur Tengah sering mendapat perhatian pengkaji awal dalam meneliti perkembangan nasionalisme tempatan. Golongan intelek berpendidikan tinggi kolonial juga harus diberi perhatian untuk mengiktiraf sumbangan mereka dalam lipatan Sejarah Malaysia.

NOTA

¹ Prosedur pemilihan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu pencalonan, peperiksaan dan temu duga. Calon perlu melalui setiap peringkat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan British kerana ianya dapat menentukan kualiti yang terdapat dalam diri calon. Dalam konteks ini, peperiksaan yang diwujudkan penting untuk menguji tahap kecerdasan seseorang calon manakala proses temu duga yang diadakan bertujuan menilai perwatakan dan personaliti calon.

²Annual Report On Education In The Straits Settlements And The Federated Malay States For The Year 1938.

³Federated Malay States Teaching and Research, Annual Report Of The King Edward VII College Of Medicine, Singapore For The Year 1931.

⁴ Ahli majlis dan ahli senat dianggotai oleh ahli yang berbeza dimana kebiasaannya ahli majlis terdiri daripada individu yang mempunyai jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri manakala ahli senat terdiri daripada pengetua dan kakitangan pengajar kolej.

⁵King Edward VII College of Medicine Ordinance No.224, Arkib Negara Malaysia.

⁶Ibid.

⁷Memo From Supt. Of Education, Alor Star; The Clifford Fund For Raffles College Singapore.

⁸ Surat daripada *Inspector of Schools Selangor* kepada *The Secretary Resident Selangor* bertarikh 25 April 1932, mengesahkan bahawa beberapa orang pelajar dari Selangor yang berjaya menamatkan pengajian di *Raffles College* dilantik menjadi guru kelas I iaitu Mr Toh See King berkhidmat di *High School Klang* manakala Yoong Khee Hong & Abdul Razak Khan berkhidmat di *Victoria Institution*.

⁹Colonial Office Higher Education in Malaya Report of the Commission Appointed by The Secretary of State for The Colonies June 1939, Chapter II Raffles College Singapore.

¹⁰Ibid.

¹¹ Menurut Khoo Kay Kim, kehadiran kaum India diperlukan dalam sektor buruh, peladangan dan perniagaan manakala kehadiran kaum Cina menumpukan ekonomi perlombongan dlm. Khoo Kay Kim, *Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu*, JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, vol 1, 1971/72, hlm 16.

¹²Straits Settlements Annual Report on Education 1937.

¹³Education P.K 485/51, Revision Of Overseas Scholarship Allowances, Report Concerning Rates Of Scholarship Overseas.

¹⁴ Straits Settlements Government Gazette 4th January 1895, No 269 Queen's Scholarship To Enable Students To Obtain In Great Britain or India A Degree At A University With A Residential System.

¹⁵Ibid.

¹⁶Annual Report For 1927 Federated Malay States, Higher Education.

RUJUKAN

- Abu Hanifah Haris & Roslina Abd Ghani. 2021. "Perkembangan Pendidikan Tinggi di Tanah Melayu, 1905-1957." *Malaysia dari Segi Sejarah* 49.
- Ahmad Jafri dan Mohd Samsudin. 2019. "Perkembangan Sistem Pentadbiran Persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu." *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 16(9).
- Allen, J. De Vere. 1970. "Malayan Civil Service 1874-1941: Colonial Bureaucracy/Malayan Elite." *Comparative Studies in Society and History* 12(2).
- Andaya, B.W. and Andaya, L.Y. 2017. *A History of Malaysia*. 3rd Ed. London. Palgrave.
- Annual Report For 1927 Federated Malay States, Higher Education.
- Annual Report on Education in The Straits Settlements and the Federated Malay States for The Year 1938.
- CO 273/584. Opening Of A Scheme For The Establishment of An Assistant Branch of The Civil Service Straits Settlements.
- CO 717/81. 1931. Federated Malay States Proceedings Of Durbar, 18 August.
- CO273/539. 1926. British Imperialism in Malaya.
- CO276/30. 1895. Straits Settlements Government Gazette 4th January 1895, Master Attendant's Office.
- CO276/42. 1901. Straits Settlements Government Gazette 18th March 1901, No 210 Amendment Of Regulations For The Queen's Scholarship.
- CO276/49. 1904. Straits Settlements Government Gazette 1904, No 350 Regulations for The Queen's Scholarships The Government English Scholarship and The Cecil C. Smith Scholarship.
- CO717/103. 1903. Proceedings of the Durbars held in 1903. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- CO717/59. 1928. Correspondence from Government House Kuala Lumpur to The Right Honourable L.C.M.S Amery Colonial Office, 14 August.
- Colonial Office Higher Education in Malaya Report of The Commission Appointed by The Secretary of State for The Colonies June 1939, Printed and Published by His Majesty's Stationery Office.
- Education P.K 485/51. Revision Of Overseas Scholarship Allowances, Report Concerning Rates Of Scholarship Overseas,
- FCO141/16337. 1930. Proceedings of The Council Of The Federated Malay States For The Year 1930, Kuala Lumpur 26th June.
- Federated Malay States Teaching and Research, Annual Report of The King Edward VII College of Medicine, Singapore for The Year 1931.
- Federated Malay States. 1933. Annual Report on The Social and Economic Progress of The People of The Federated Malay States for 1932, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Harper, T.N. 1999. *The End of Empire and the Making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- HCO1636/1919. F.M.S Civil Service List 1919, Scheme for Settlement Officers. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hough, G. G. 1933. "Notes On The Educational Policy Of Sir Stamford Raffles." *Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society* 11(2).
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Ismail Ali. 2012. "Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua." *MANU* 18.

- Khairul Ghufrun, Basri Jamal dan Norshahrul Marzuki. 2021. "Kurikulum Latihan Perguruan Sultan Idris Training College (SITC) Sejak Awal Penubuhan Sehingga Perang Dunia Kedua 1922-1941." *Internation Journal Of Education, Psychology and Counselling* 6(39).
- Khasnor Johan. 1984. *The Emergence of The Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.
- Khasnor Johan. 1990. "Keeping the Malay College Exclusive: Perceptions and Attitudes of British Officials and the Traditional Malay Elite," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 18.
- Khoo Kay Kim. 1971/72. "Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 1.
- King Edward VII College of Medicine Ordinance No.224, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Koay, Su Lyn. 2018. The Genesis of Higher Education in Colonial Malaya, Economic History Malaya. 2018. <https://www.ehm.my/publications/articles/the-genesis-of-higher-education-in-colonial-malaya> (accessed by 7 July 2024).
- Malaya Tribune*. 1937. "The College of Medicine," 30 August.
- Malayan Tribune*. 1929. "Queen's Scholarship Present System Wasteful," 17 October.
- Memo From Supt. Of Education, Alor Star; The Clifford Fund For Raffles College Singapore.
- Memorandum On The Sultan Idris Training College and Malay Vernacular Education, Department Of Education Straits Settlements and Federated Malay States, 1931.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi dan Suffian Mansor. 2022. "Sejarah Perkembangan Majlis Raja-Raja Melayu." In *Majlis Raja-Raja Melayu: Perkembangan dan Cabaran*, edited by Mohd Samsudin, 10-22. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muhammad Azian Saad dan Mohamed Ali Haniffa. 2019. "Perkembangan Latihan Perguruan di Tanah Melayu Sebelum dan Selepas Merdeka." *Journal of History Department: University of Malaya* 28(1).
- Pahang Fed. Sec 1189/1926. Memorandum on the Constitution, Staff, Present Assets and Student Fees of Raffles College, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Pahang Government 1129/1938. Report and Recommendations of The Selection Board To Interview Candidates For Appointment To The Malay Administrative Service.
- Pinang Gazette And Straits Chronicle. 1900. "Diamond Jubilee Scholarship," 26 March.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*. 1921. "F.M.S Appointments," 28 February.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*. 1938. "Higher Administrative Posts for Malays," 21 September.
- R.C Sel 690/1946. 1946. Resumption Of Studies at The Raffles College by Student Probationer of The Malay Administrative Service-Appointment of Student and Probationer to Class III Malay Administrative Service.
- Saiful Maslul. 1997. *Maktab Perguruan Sultan Idris 1922-1987, Latihan Ilmiah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sel. Sec. 1151/1949. Application For A Government Scholarship For Higher Education.
- Sel. Sec. 527/1926 1926. Federal Council Meeting on 27/6/1926 Question Relating To The F.M.S Queen's Scholarships.
- Sel. Sec. 911/1925. 1925. Notification No. G240/25 Examination for Four Vacant Probationerships in The Malay Administrative Service.
- Sel. Sec. G 2073/1930. 1929. Federal Council Paper No 26/30 Annual Report of The King Edward VII College of Medicine.

- Sel. Sec. G 371/1928 Discontinuance of sending student to Hong Kong University with the opening of Raffles College & Rules for student scholarship to Raffles College.
- Sel. Sec. S 579/1932. 1932. Posting Of Raffles College Graduates, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Selangor 1426/1922. 1922. Examination For Malay Administrative Service on 26 April.
- Selangor Sec: 1594/1925. Applies for Probationership in The Malay Administrative Service.
- Selangor Secretariat 927/1951. Senior Inspector of School Selangor, Award of State Scholarship to Che Baharuddin Bin Abu Kassim, Architecture In The United Kingdom.
- Shamala Krishnan, Sivachandralingam Sundara Raja dan Noraini Mohamed Hassan. 2020. "Suruhanjaya McLean 1938 dan Isu Penubuhan Universiti di Tanah Melayu." *Muallim Journal of Social Science and Humanities* 4(3).
- Statement of account of pocket money and books expenses of Lim Soo Kok, Government student, Raffles College Singapore.
- Straits Settlements Annual Report on Education 1937.
- Straits Settlements Government Gazette 4th January 1895, No 269 Queen's Scholarship To Enable Students To Obtain In Great Britain or India A Degree At A University With A Residential System.
- The Singapore Free Press And Mercantile Advertiser*. 1850. "Local," 25 October.
- The Straits Budget*. 1937. "First Malay in Legal Service," 25 March.
- The Straits Times*. 1937. "Raffles Course For F.M.S Malay Officers," 15 November.
- The Straits Times*. 1948. "To Study in London," 20 August.
- Ungku A. Aziz. 1975. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yeo, Kim Wah. 1980. "The Grooming of An Elite: Malay Administrators in The Federated Malay States 1903-1941." *Journal of Southeast Asian Studies* 11(2).

Published online: 31 October 2024